

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Disediakan untuk : _____

Tarikh dicetak pada: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans kebakaran. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am).

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)
Nama Produk : Insurans Hole In One

1. Apakah Produk ini?

Polisi ini adalah perlu jika anda menaja hadiah untuk pertandingan golf.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini menanggung rugi anda berhubung dengan liabiliti tanggungan anda untuk memberi hadiah kepada peserta berdaftar yang pertama kali mencapai Masuh Langsung semasa mengambil bahagian dalam pertandingan golf di tempat dan pada tarikh yang insytiharkan.

Polisi adalah untuk pertandingan golf tertentu sahaja. Anda perlu membeli satu polisi insurans baru untuk setiap pertandingan.

3. Apakah informasi yang perlu dibekalkan?

- Nama dan tarikh pertandingan tersebut
- Tempat belangsungnya pertandingan tersebut
- Bilangan peserta yang berdaftar
- Nombor lubang yang ditetapkan
- Apakah hadiah yang disediakan
- Tuntutan 12 bulan lepas
- Deskripsi of the lubang

4. Bolehkah saya memasukkan pemain golf professional?

Tidak, para peserta hanya terhad kepada pemain golf amatir yang berdaftar.

5. Berapakah jumlah yang perlu diinsurankan?

Jumlah diinsurankan adalah bersamaan dengan nilai hadiah tajaan.

6. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak kami.

Jumlah diinsurankan : RM _____
 Kadar dikenakan : _____%

Jumlah premium teranggung yang anda perlu bayar ialah : RM _____

7. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
• Komisen yang dibayar kepada agen insurans	• 25% daripada premium
• Setem Duti	• RM 10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 6% daripada premium

8. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan
 - **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda harus memastikan syarat-syarat terjamin dalam polisi ini telah dipatuhi.
- Anda dikehendaki memberi insurans agen anda atau secara bertulis apa-apa perubahan penting semasa dalam tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendors ke atas polisi anda.
- Bayaran sebelum Insurans bermula.

9. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ni tidak melindungi:

- Perang dan risiko-risiko berkaitan
- Kerugian yang terbit daripada pengionan radiasi atau kontaminasi oleh radioaktif daripada sebarang tenaga nuklear, bahan buangan nuklear atau sebarang senjata nuklear
- Sebarang tindakan keganasan

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

10. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami sebelum tarikh pertandingan yang dijadualkan.

Premium penuh akan dipulangkan kepada anda..

11. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

12. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai produk insurans Hole In One atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena


Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral


Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: customer.service@allianz.com.my

 [AllianzMalaysia](https://www.facebook.com/AllianzMalaysia)

 [@allianz.com.my](https://twitter.com/allianz.com.my)

13. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

- Polisi Semua Risiko
- Polisi Pecah Masuk
- Polisi Jaminan Setia
- Polisi Kaca
- Polisi Jentera and Peralatan
- Polisi Loji and Peralatan Bergerak

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

NOTA PENTING :

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS AND ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 05/03/2020.